

KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA

MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 8 TAHUN 1970<sup>1</sup>

**CHARA<sup>2</sup> (CRITERIA) MENENTUKAN TARAF PENCHEN PEKERJA<sup>2</sup> KUMPULAN PERUSAHAAN DAN BUROH KASAR DAN PERATORAN<sup>2</sup> MELETAKKAN MEREKA KA-DALAM PERJAWATAN BERPENCHEN**

Ada pun tujuan Pekeliling Perkhidmatan ini ia-lah menerangkan chara<sup>2</sup> memberi taraf berpenchen kepada pekerja<sup>2</sup> Kumpulan Perusahaan dan Buroh Kasar. Sebagaimana terma'alum Kerajaan telah pun memutuskan untuk memberi taraf berpenchen kepada golongan pekerja<sup>2</sup> yang berkenaan itu mula<sup>2</sup> daripada 1hb Mei, 1969. Keputusan Kerajaan ini ada-lah setakat memberi taraf berpenchen chuma kepada pekerja<sup>2</sup> yang memegang jawatan<sup>2</sup> yang di-iktirafkan sebagai jawatan<sup>2</sup> tetap sahaja. Untuk maksud faedah<sup>2</sup> persaraan sahaja, pekerja<sup>2</sup> yang telah meninggal dunia pada atau sa-lepas 1hb Ogos, 1968 atau bersara sa-lepas tarikh itu tetapi meninggal dunia atau bersara sa-belum 1hb Mei, 1969 akan di-anggap sa-olah<sup>2</sup> mereka telah menerima perubahan gaji kepada gaji berseh mula<sup>2</sup> daripada 1hb Ogos, 1968. Keputusan Kerajaan ini boleh di-dapati dalam perenggan<sup>2</sup> 7 dan 8 dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 1969.

**Tafsiran Jawatan<sup>2</sup> Tetap**

2. Pada masa sekarang jawatan pekerja<sup>2</sup> di-dalam Kumpulan Perusahaan dan Buroh Kasar ada-lah terdapat dan di-bayar daripada Anggaran Belanja Mengurus dan Anggaran Pembangunan. Jawatan<sup>2</sup> pekerja yang terdapat di-bawah Anggaran Pembangunan tidak akan di-jadikan jawatan tetap dan berpenchen. Di-dalam Anggaran Belanja Mengurus pula jawatan<sup>2</sup> pekerja semua-nya di-letakkan dan di-bayar di-bawah pechahan-kepala Lain<sup>2</sup> Perbelanjaan Berulang Tiap<sup>2</sup> Tahun. Jawatan<sup>2</sup> ini tidak pula di-asing<sup>2</sup>kan sebagai jawatan tetap atau sementara di-bawah pechahan-kepala itu. Ada-lah di-ma'alumkan bahawa hanya jawatan<sup>2</sup> di-bawah pechahan-kepala Lain<sup>2</sup> Perbelanjaan Berulang Tiap<sup>2</sup> Tahun sebagaimana yang di-tentukan di-bawah ini sahaja di-jadikan jawatan<sup>2</sup> berpenchen.

3. Untuk menentukan sa-suatu jawatan di-dalam Kumpulan Perusahaan dan Buroh Kasar sebagai jawatan tetap dan berpenchen peratoran<sup>2</sup> saperti di-bawah hendak-lah di-ikuti:

(a) Jawatan yang di-pegang oleh—

(i) Pekerja yang bersara sa-lepas 1hb Ogos, 1968 hingga 1hb Mei, 1969;

(ii) Pekerja yang meninggal dunia antara 1hb Ogos, 1968 dan 1hb Mei, 1969;

akan di-anggap sebagai jawatan tetap dan berpenchen jika jawatan yang di-pegang oleh pekerja itu telah berada di-dalam sesuatu Jabatan semenjak 1hb Ogos, 1958.

- (b) Jawatan yang telah wujud dengan tidak putus<sup>2</sup> selama 10 tahun semenjak 1hb Ogos, 1958 dan masih lagi ada sa-hingga sekarang akan di-anggap sebagai jawatan tetap dan berpenchen.
- (c) Jawatan lain daripada yang telah di-jadikan tetap dan berpenchen seperti perenggan<sup>2</sup> (a) dan (b) di-atas yang di-pegang oleh sa-orang pekerja yang telah di-lantek sa-belum 1hb Ogos, 1968 dan telah memoleh gaji bersah dan shahat<sup>2</sup> di-bawah Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 1969 tetapi belum ujud selama 10 tahun pada 1hb Mei, 1969, akan hanya di-anggap sebagai jawatan tetap dan berpenchen, apabila jawatan itu telah ujud selama 10 tahun;
- (d) Jawatan selain daripada jawatan<sup>2</sup> di-perenggan<sup>2</sup> (a), (b) dan (c) di-atas ada-lah jawatan sementara. Kajian akan di-buat tiap<sup>2</sup> 3 tahun sekali untuk menjadikan jawatan itu kapada jawatan tetap dan berpenchen jika jawatan itu telah ujud selama 10 tahun. Kajian pertama akan di-lakukan dalam tahun 1971.

4. Kumpulan<sup>2</sup> jawatan yang di-istiharkan dalam *Warta Kerajaan* sebagai kumpulan<sup>2</sup> jawatan yang boleh di-masokkan ka-dalam perjawatan berpenchen ada-lah seperti di-Lampiran "A" kapada Pekeliling ini. Bagi kesenangan Ketua<sup>2</sup> Jabatan, senarai jawatan<sup>2</sup> di-dalam Kumpulan<sup>2</sup> itu ada-lah seperti di-Lampiran "B". Jawatan<sup>2</sup> itu akan di-jadikan jawatan berpenchen hanya jika shahat<sup>2</sup> yang tersebut di-atas di-penuhi. Jika ada jawatan<sup>2</sup> yang tidak termasuk di-dalam senarai di-Lampiran "B" ini, Jabatan Perkhidmatan 'Awam hendak-lah di-ma'alumkan.

**Kelayakan untuk di-letakkan ka-dalam perjawatan tetap dan berpenchen**

5. Pekerja<sup>2</sup> yang telah berkhidmat sekurang<sup>2</sup>-nya 3 tahun pada atau sa-lepas 1hb Ogos, 1968 dalam satu<sup>2</sup> jawatan tetap dan berpenchen seperti yang di-tentukan di-perenggan 3 di-atas, adalah layak di-pertimbangkan untuk di-letakkan ka-dalam perjawatan tetap dan berpenchen. Pekerja<sup>2</sup> yang telah meninggal dunia pada atau sa-lepas 1hb Ogos, 1968 dan pekerja<sup>2</sup> yang telah bersara sa-lepas tarikh itu ada-lah layak di-pertimbangkan jika, pada tarikh mereka mati atau bersara mereka telah berkhidmat selama 3 tahun dalam satu<sup>2</sup> jawatan tetap dan berpenchen.

**Peratoran bagi meletakkan sa-saorang pekerja ka-dalam perjawatan tetap dan berpenchen**

6. Peratoran bagi meletakkan sa-saorang pekerja itu ka-dalam perjawatan tetap dan berpenchen ada-lah sebagaimana yang di-tetapkan dalam Perintah 'Am Bab "A" 28. Walau pun demikian

peratoran itu ada-lah di-ubah sedikit bagi sa-tengah<sup>2</sup> pekerja yang terlibat dalam urusan ini, khusus-nya bagi:

- (i) mereka yang telah bersara sa-lepas 1-8-1968;
- (ii) mereka yang telah meninggal dunia pada atau sa-lepas 1-8-1968; dan
- (iii) mereka yang telah di-lantek menerusi perwakilan kuasa oleh Surohanjaya Perkhidmatan 'Awam tanpa Surat Akuan Perubatan (Medical Certificate).

7. Oleh yang demikian, ada-lah di-putuskan bahawa bagi maksud urusan meletakkan pekerja<sup>2</sup> dalam Kumpulan Perusahaan dan Buruh Kasar ka-dalam perjawatan tetap dan berpenchen, syarat<sup>2</sup> dan peratoran yang di-nyatakan di-bawah ini ada-lah di-persetujukan:

*Golongan Pekerja<sup>2</sup>*

- (a) Pekerja yang telah menjalani peperiksaan doktor dan di-dapati layak untuk berkhidmat dan telah bersara sa-lepas 1hb Ogos, 1968.
- (b) Pekerja<sup>2</sup> yang telah di-lantek dalam keadaan yang sama seperti di-dalam Perintah 'Am Bab "A" 16 dan 17 dan telah bersara sa-lepas 1hb Ogos, 1968.
- (c) Pekerja yang tidak menjalani peperiksaan doktor dan telah bersara sa-lepas 1hb Ogos, 1968.
- (d) Pekerja yang telah menjalani peperiksaan doktor dan di-dapati layak untuk berkhidmat dan telah mati pada atau sa-lepas 1hb Ogos, 1968.

*Peratoran*

- (i) Ketua Jabatan hanya di-kehendaki mengemukakan perakuan sebagaimana yang di-bekalkan dalam Perintah 'Am Bab "A" 28 (a) (ii).
- (ii) Tarikh perletakan ka-dalam perjawatan tetap dan berpenchen ada-lah tarikh sah hari sa-belum ia bersara.

**A. JIKA BERSARA ATAS SEBAB<sup>2</sup> KESIHATAN—**

Tidak layak bagi di-letakkan ka-dalam perjawatan tetap dan berpenchen.

**B. JIKA IA BERSARA KERANA SEBAB<sup>2</sup> LAIN—**

Saperti golongan pekerja (a) di-atas.

Saperti golongan pekerja (a) di-atas.

Saperti golongan pekerja (a) di-atas (Tarikh perletakan ka-dalam perjawatan tetap dan berpenchen ada-lah tarikh ia mati).

*Golongan Pekerja<sup>2</sup>*

(e) Pekerja<sup>2</sup> yang telah di-lantek dalam keadaan yang sama seperti di-dalam Perintah 'Am Bab "A" 16 dan 17 dan telah mati pada atau sa-lepas 1hb Ogos, 1968.

(f) Pekerja yang tidak menjalani peperiksaan doktor dan telah mati pada atau sa-lepas 1hb Ogos, 1968.

(g) Pekerja yang sedang ber-khidmat.

*Peratoran*

A. JIKA KEMATIAN DI-SEBABKAN OLEH PENYAKIT YANG BERAT DAN BERLARUTAN (DEATH IS CAUSED BY A CHRONIC DISEASE)—

Tidak layak bagi di-letakkan ka-dalam perjawatan tetap dan berpenchen.

B. JIKA KEMATIAN TIDAK DALAM KEADAAN SAPERTI A—

Saperti golongan pekerja (a) di-atas (Tarikh perletakan ka-dalam perjawatan tetap dan berpenchen ada-lah tarikh ia mati).

A. JIKA KEMATIAN DI-SEBABKAN OLEH PENYAKIT YANG BERAT DAN BERLARUTAN (DEATH IS CAUSED BY A CHRONIC DISEASE)—

Tidak layak bagi di-letakkan ka-dalam perjawatan tetap dan berpenchen.

B. JIKA KEMATIAN TIDAK DALAM KEADAAN SAPERTI A—

Saperti golongan pekerja (a) di-atas (Tarikh perletakan ka-dalam perjawatan tetap dan berpenchen ada-lah tarikh ia mati).

Peratoran mengikut Perintah 'Am "A" 28.

**Kuasa bagi menimbang<sup>2</sup> untok meletakkan ka-dalam Perjawatan Tetap dan Berpenchen<sup>2</sup>**

8. Surohanjaya Perkhidmatan 'Awam telah bersetuju mewakilkan kuasa meletakkan pekerja<sup>2</sup> dalam Kumpulan Perusahaan dan Buroh Kasar bagi sa-suatu Jabatan di-dalam perjawatan tetap dan berpenchen, kapada sa-buah Lembaga yang terdiri daripada Ketua Setia-usaha Kementerian dan sa-orang pegawai Bahagian I dalam Kementerian yang berkenaan. Oleh yang demikian Ketua<sup>2</sup> Jabatan hendak-lah membuat perakuan<sup>2</sup> bagi meletakkan pekerja<sup>2</sup> yang layak ka-dalam perjawatan tetap dan berpenchen kapada Lembaga tersebut.

**Chara<sup>2</sup> meletakkan ka-jawatan tetap dan berpenchen**

9. Apabila sa-saorang pekerja di-letakkan ka-dalam perjawatan tetap dan berpenchen Lembaga hendak-lah mengeluarkan surat perletakan, saperti di-Lampiran "C", kapada pekerja yang berkenaan, jika ia maseh berkhidmat. Bagi pekerja<sup>2</sup> yang telah

meninggal dunia atau bersara, Lembaga hendak-lah memberitahu mengenai perletakan itu kepada Ketua Jabatan di-mana ia berkhidmat sa-belum ia mati atau bersara. Ketua<sup>2</sup> Jabatan hendak-lah menchatetkan perletakan sa-saorang pegawai itu ka-dalam perjawatan tetap dan berpenchen dalam buku perkhidmatan-nya.

### **Charuman Kumpulan Wang Pekerja<sup>3</sup>**

10. Ketua<sup>2</sup> Jabatan hendak-lah menentukan bahawa apabila sa-sorang pekerja itu telah di-lantek ka-dalam perjawatan tetap dan berpenchen, charuman-nya kepada Kumpulan Wang Pekerja di-berhentikan. Faedah<sup>2</sup> persaraan dan faedah<sup>2</sup> lain, mithal-nya ganjaran mati, yang telah di-luluskan bagi pekerja<sup>2</sup> yang telah meninggal dunia pada atau sa-lepas 1hb Ogos, 1968 atau bersara sa-lepas tarikh itu, hendak-lah di-hetong semula berasaskan kepada taraf berpenchen mereka dan gaji berseh. Di-mana berkenaan, mereka akan di-benarkan membuat:

- (a) pilihan yang di-untokkan di-bawah peruntokan 16, Per-atoran<sup>2</sup> Penchen, 1957; dan
- (b) pilihan baharu di-bawah perenggan 8 dalam Lam-piran "A" kepada Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 tahun 1960.

**TAN SRI SYED ZAHIRUDDIN BIN SYED HASSAN,**  
*Ketua Pengarah Perkhidmatan 'Awam,*  
*Malaysia*

**JABATAN PERKHIDMATAN 'AWAM,**  
**MALAYSIA,**  
**RUMAH PERSEKUTUAN,**  
**KUALA LUMPUR**  
*16hb November, 1970*

---

**CATATAN:**

- <sup>1</sup> Sila rujuk Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 24 Tahun 1972 bertarikh 4hb Disember, 1972.
- <sup>2</sup> Sila rujuk Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 1971 bertarikh 23hb Mac, 1971.
- <sup>3</sup> Sila rujuk Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 1971 bertarikh 23hb Mac, 1971.